

5 Pusat Anak Permata dibina menjelang April

Kompleks beri didikan awal kepada kanak-kanak bawah lima tahun

B.H 05/01/02 M/S 7

Oleh Haspaizi Mohd Zain

PASIR MAS: Lima Pusat Anak Permata Negara (Permata) akan dibina menjelang April ini dalam usaha memberi didikan awal yang lebih berkesan kepada kanak-kanak bawah usia lima tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Dasar Permata, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, berkata pembinaan lima lagi pusat seperti itu akan menjadikan keseluruhannya 15 pusat Permata di negara ini.

“Sepuluh pusat itu sudah dibina dengan sembilan daripadanya beroperasi dan Kerajaan Pusat membelanjakan kira-kira RM20 juta bagi membangunkan 15 pusat berkenaan



MESRA: Rosmah membimbing Muhammad Thaqiff Mohd Yusoff, 3 cara menggunakan kapas untuk dijadikan gambar ketika merasmikan Pusat Anak Permata Negara di Pasir Mas, semalam.

bagi menampung lebih 200 kanak-kanak,” katanya selepas melawat Pusat Anak Permata yang pertama di Kelantan, di Kampung Kubang Panjang, di sini, semalam.

Pusat itu yang menelan belanja RM650,000, dilengkapi pelbagai prasarana pendidikan awal kanak-kanak dan beroperasi awal Disember

tahun lalu, membabitkan 30 kanak-kanak.

Rosmah berkata, pembinaan pusat itu bagi memenuhi janji beliau kepada rakyat di kawasan itu pada pilihan raya kecil, Dewan Undangan Negeri (Dun) Pengkalan Pasir.

Beliau berkata, sistem pendidikan di pusat itu memberi penekanan ke-

pada rangsangan minda dengan kaedah meneroka, mencuba dan mengalami sendiri melalui permainan.

Katanya, keberkesanan sistem pembelajaran di pusat ini dapat dinilai melalui tenaga pelajarnya yang terlatih selain memiliki diploma serta ijazah pendidikan awal kanak-kanak.

FAKTA NOMBOR

Projek Permata

RM20j

Dibelanjakan

15

Pusat dibina